

Tarikh Dibaca: 10 Jun 2016

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“MEMBUDAYAKAN AL-QURAN DALAM
KEHIDUPAN”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullallah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Majlis Agama Islam Selangor**
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**





"MEMBUDAYAKAN AL-QURAN DALAM KEHIDUPAN"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ شَهْرَ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ
هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ ۚ فَمَن
شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ
سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ
بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ
مَا هَدَانَكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ

¹ Surah al-Baqarah ayat 185.



اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya mengajak diri saya dan sidang hadirin sekalian agar sama-sama kita bertaqwa kepada Allah dengan mentaati segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Bersempena dengan bulan Ramadhan, bulan yang diturunkan al-Quran, marilah kita menghayati khutbah yang bertajuk "**MEMBUDAYAKAN AL-QURAN DALAM KEHIDUPAN**".

Hadirin sekalian,

Saya yakin kita semua yang berada dalam masjid ini pasti memiliki paling tidak senaskah al-Quran di rumah. Kita sering diingatkan bahawa al-Quran merupakan panduan dan pedoman daripada Allah SWT bagi kita. Namun untuk memastikan kita dapat mengamalkan al-Quran dengan baik kita perlu berusaha bersungguh-sungguh bagaimana untuk memahami ajarannya. Kita perlu memahami apakah kisah-kisah yang ada di dalamnya, apakah tema-tema utama al-Quran yang mempunyai kaitan dengan kehidupan seharian kita dan keluarga.

Bagi muslim yang benar-benar menghayati kitab suci al-Quran Kalamullah bukan sekadar pusaka peninggalan Rasulullah SAW semata-mata. Mukjizat terbesar Nabi Muhammad SAW yang diturunkan secara berperingkat selama 23 tahun ini, diamanahkan supaya manusia dapat



mempelajarinya, menghayati seterusnya mengamalkan segala yang terkandung di dalamnya. Itulah panduan yang terbaik. Pembimbing manusia ke arah gaya hidup sebenar dan panduan untuk menjalani kehidupan yang kekal abadi kelak, dengan cemerlang.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Al-Quran diturunkan bertujuan untuk memandu manusia ke jalan yang benar, memberi petunjuk, rahmat, membawa berita gembira, menjadi penawar, peringatan dan cahaya yang menjadi pedoman dan panduan hidup.

Firman Allah SWT dalam surah Yunus ayat 57:

يَأَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ
وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

"Wahai umat manusia ! sesungguhnya telah datang kepada kamu al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada dalam dada kamu dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman".

Ayat ini menjelaskan kepada kita bahawa tujuan al-Quran diturunkan adalah sebagai penasihat, penawar dan petunjuk hidayah bagi seluruh umat manusia. Oleh itu, kita perlu selalu menilai hubungan kita dengan al-Quran. Apakah kita dalam waktu-waktu terakhir ini merujuk kepada al-Quran mencari panduan dan bimbingan Allah dalam mengharungi kehidupan kita? Apakah kita telah merenung kisah-kisah yang terkandung dalam al-Quran serta



mengambil pelajaran daripadanya? Kita tidak mahu ada antara kita menjadikan al-Quran itu hanya sebagai perhiasan dalam rumah sahaja, atau sebagai hadiah simbolik semata-mata mahupun hanya kedengaran bacaannya apabila berlaku kematian.

Yang pastinya hari ini, al-Quran semakin dipinggirkan oleh masyarakat kita, baik yang muda mahupun tua. Membacanya pula kini hanya mengikut musim, tidak lagi dianggap amalan yang perlu dilakukan pada setiap hari. Kalaupun ada yang membaca, sekadar melepaskan batuk di tangga. Belajar ala kadar sahaja, bahkan ada yang membaca al-Quran tanpa mengetahui hukum-hukum tajwidnya. Entah ke mana hukum mad dan panjang pendek bacaannya. Terdapat juga segelintir yang beranggapan bahawa asalkan membaca ianya sudah memadai. Sedangkan membaca al-Quran dengan betul hukum tajwid dan disiplinnya adalah fardhu ain bagi setiap umat Islam. Tersilap menyebut satu hurufnya sahaja sudah boleh mengubah makna bagi satu-satu ayat tersebut.

Hadirin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Rumah adalah suatu institusi tarbiah terawal dalam membentuk sahsiah dan mendidik generasi membaca al-Quran. Justeru, usaha yang bersungguh-sungguh perlu dilakukan bagi merealisasikan pembudayaan al-Quran di rumah. Antaranya:

Pertama: Adalah menjadi kewajipan ibu bapa menunjukkan contoh tauladan kepada ahli keluarganya. Ibu bapa hendaklah sentiasa membaca al-Quran di rumah dan memastikan al-Quran sentiasa dibaca oleh ahli keluarga. Mengapa kita mempunyai masa untuk membaca akhbar, majalah, menonton televisyen, melayari internet, berwhatssap, berinstagram dan lain-lain lagi? Kenapa kita tidak boleh memperuntukkan sedikit masa yang terluang untuk membaca al-Quran?



Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Umamah al-Bahili RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اقْرَأُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا
لِأَصْحَابِهِ.

"Bacalah al-Quran, sesungguhnya (al-Quran) akan datang pada hari kiamat memberi syafaat kepada pembaca-pembacanya "

(Muslim).

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Kita sebagai umat Islam sepatutnya menjadikan al-Quran sebagai bacaan utama pada setiap masa. Mereka yang membaca al-Quran, mendengar malah melihat al-Quran pun akan diberi pahala oleh Allah SWT.

Hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Mas'ud RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Sesiapa yang membaca satu huruf daripada al-Quran, maka baginya diberi satu kebaikan dan satu kebaikan itu dibalas dengan 10 kali ganda pahalanya, tidak aku katakan (alif, lam, mim) itu satu huruf, akan tetapi alif satu huruf dan lam satu huruf dan mim satu huruf "

(al-Tirmizi).

Kedua: Ibu bapa perlu memprogramkan penghayatan al-Quran di rumah secara bersistematik dengan memperuntukkan masa yang sesuai untuk membaca, mempelajari mentadabbur dan mengajar membaca al-Quran bersama ahli keluarga. Mengapa ada dikalangan kita sebagai ibu bapa



merasa sangat sedih, kecewa atau dukacita sekiranya anak-anak kita gagal dalam pelajaran akademik? Dan kenapa tidak ramai yang merasa sedih atau kecewa jika anak-anak tidak tahu atau buta membaca al-Quran?.

Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,

Al-Quran adalah Kalamullah yang mulia yang menjadi ibadah bagi insan yang membaca dan mengamalkannya. Bayangkan!, hanya dengan membacanya sahaja, kita sudah dijanjikan dengan pelbagai ganjaran dan kelebihan. Apatah lagi ditambah dengan memahami, menghayati dan mengamalkan isi kandungannya.

Dengan ledakan teknologi hari ini, al-Quran amat mudah untuk didapati. Jika dahulu mungkin agak mencabar untuk membawa al-Quran, tetapi hari ini kita mempunyai telefon bimbit yang boleh menyimpan pelbagai aplikasi al-Quran. Oleh itu, jadikanlah mempelajari dan membaca al-Quran sebahagian daripada gaya hidup kita. Luangkan sedikit masa dengan al-Quran pada setiap hari.

Hadirin yang berbahagia,

Mulakanlah hari kita dengan alunan al-Quran dan akhirilah dengan alunan al-Quran. Begitu juga dengan ahli keluarga kita. Apabila al-Quran menjadi sebahagian daripada kehidupan keluarga ketika berehat dan bercuti barulah kebiasaan tersebut berdamping dengannya berkekalan sehinggakan menjadi minat.

Renungkanlah sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Muaz al-Juhani RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Sesiapa yang membaca al-Quran dan ia mengamalkan isi kandungannya, pada hari kiamat kelak Allah akan memakaikan mahkota



kepada ibu bapanya. Cahaya mahkota itu lebih baik daripada cahaya matahari yang menerangi rumah-rumah di dunia. Maka bagaimana pendapat kamu mengenai orang (si anak) yang mengamalkan ini (membaca dan mengamalkan al-Quran)".

(Abu Daud).

Oleh itu, usaha untuk mengamalkan ajaran al-Quran adalah merupakan kunci kedua untuk kita meraih kebaikan serta keberkatan daripadanya. Namun untuk memastikan kita dapat mengamalkan al-Quran dengan baik kita perlu memahami bagaimana untuk memahami ajarannya. Kita perlu memahami apakah kisah-kisah yang ada di dalamnya, apakah pengajaran dan penghayatan utama al-Quran yang mempunyai kaitan dengan kehidupan seharian kita dan keluarga.

Hadirin sekalian,

Menelusuri khutbah pada hari ini maka kita sebagai umat Islam dituntut supaya:

1. Beriman dan meyakini bahawa al-Quran itu adalah panduan hidup yang diturunkan kepada umat manusia.
2. Meyakini segala kandungan al-Quran itu adalah benar, tepat dan sesuai untuk dihayati oleh umat manusia sepanjang zaman.
3. Menjadikan segala kemudahan dan kecanggihan teknologi yang ada untuk membantu mempelajari, membaca dan menghayati al-Quran.
4. Meyakini bahawa membaca al-Quran akan dijanjikan oleh Allah SWT dengan pahala yang berganda-ganda.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَنُنزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا
يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا

"Dan kami turunkan al-Quran sesuatu yang boleh menyembuhkan penyakit (hati) dan menjadi rahmat kepada orang-orang yang beriman dan al-Quran itu tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua".

(Surah al-Isra': 82).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrem yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ
سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ



الحاج ابن المرحوم سلطان صلاح الدين عبد
العزیز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ
وَالْتَوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيَوْلِيَّ عَهْدِ
سَلَاغُورَ، تَعَكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ
الدِّينِ ادريس شاه الحاج في أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau



redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS). Dengan amalan ini ya Allah, berkatilah hidup dan luaskanlah rezeki kami dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

**
JAIS/Nurul
01.06.2016